

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Permingaan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024

Kuching Sebagai Destinasi **Pelancongan Perubatan** *Pilihan Rakyat Indonesia*

NURNAZIRAH JAMADIN

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Sarawak, Sarawak, Malaysia

Kuching, Sarawak merupakan destinasi pelancongan perubatan yang kompeten dan dipercayai oleh rakyat Indonesia. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, bandar Kuching di Sarawak telah mencatatkan peningkatan ketara dalam kemasukan rakyat Indonesia yang melintasi sempadan untuk mendapatkan rawatan perubatan. Fenomena ini dapat dilihat melalui peningkatan jumlah kenderaan berplat Indonesia yang bergerak di sekitar bandar Kuching dan Samarahan.

Kuching, yang terkenal dengan kekayaan budaya dan keindahan alam semula jadi, kini juga dikenali sebagai destinasi utama pelancongan perubatan. Peningkatan jumlah hospital swasta dan klinik pakar bukan kerajaan yang menawarkan perkhidmatan perubatan berkualiti tinggi telah menjadikan Kuching pilihan utama bagi rakyat Indonesia. Rawatan perubatan di Kuching bukan sahaja berpatutan dari segi kos, tetapi juga disertai oleh perkhidmatan yang sangat baik, dipercayai, dan tempoh rawatan yang pantas. Teknologi perubatan terkini, fasiliti dan kemudahan yang selesa, serta parkir kereta yang luas dan tidak sesak turut menyumbang kepada daya tarikan Kuching sebagai destinasi perubatan. Situasi ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan di Indonesia, dan faktor bahasa tidak menjadi penghalang kerana bahasa Melayu yang digunakan dapat difahami dengan baik oleh rakyat Indonesia.

Menurut makluman dari pihak Imigresen Malaysia, terdapat peningkatan konsisten dalam kemasukan rakyat Indonesia ke Sarawak, terutamanya melalui pintu masuk di sempadan Tebedu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Keadaan ini menunjukkan bahawa rakyat Indonesia semakin dipercayai dan memilih Kuching sebagai destinasi untuk rawatan kesihatan mereka.

Selain daripada itu, kehadiran pelancong Indonesia di Kuching juga dapat dilihat melalui aktiviti mereka di pusat membeli-belah dan kawasan tarikan pelancong.

Kelompok pelancong Indonesia ini bukan sahaja datang untuk mendapatkan rawatan perubatan, tetapi juga mengambil kesempatan untuk menikmati keindahan dan keunikan budaya di Kuching.

Destinasi Strategik

Kehadiran hospital-hospital swasta seperti Hospital KPJ Kuching, Hospital Normah, serta pelbagai klinik pakar yang menawarkan perkhidmatan perubatan dengan kos yang lebih berpatutan berbanding di negara asal mereka turut menjadi faktor penarik utama. Disokong oleh kemudahan komunikasi yang baik dan pengangkutan yang lancar, Kuching telah menjadi destinasi strategik untuk pelancongan perubatan.

Kerajaan negeri Sarawak turut giat mempromosikan sektor pelancongan perubatan ini melalui pelbagai inisiatif dan kempen promosi. Kerjasama antara pihak kerajaan dan pengusaha sektor kesihatan swasta telah berjaya meningkatkan reputasi Kuching sebagai pusat pelancongan perubatan yang terkemuka. Dengan segala kelebihan dan kemudahan yang ditawarkan, tidak hairanlah jika Kuching terus menjadi pilihan utama rakyat Indonesia untuk mendapatkan rawatan perubatan. Masa depan pelancongan perubatan di Kuching adalah sangat cerah dengan sokongan berterusan dari semua pihak yang terlibat, yang secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Peningkatan jumlah pelancong perubatan ini bukan sahaja memberi impak positif kepada sektor kesihatan, tetapi juga kepada sektor pelancongan dan ekonomi negeri Sarawak secara keseluruhan. Dengan usaha dan kerjasama yang berterusan, Kuching akan terus berkembang sebagai hab pelancongan perubatan yang unggul di rantau ini.





eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com